



### KENYATAAN MEDIA

#### **MYFUTUREJOBS BANTU BELIA DAPATKAN PEKERJAAN MENERUSI PROGRAM PERANTISAN**

**PUTRAJAYA** – Kementerian Sumber Manusia (KSM), menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menjalinkan kerjasama bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam usaha memperkasa Program Perantisan kepada para belia dan graduan yang sedang mencari pekerjaan. Usahasama di antara dua kementerian ini adalah seiring dengan penekanan yang diberikan oleh Kerajaan untuk menangani isu pengangguran belia dengan lebih dinamik yang sekaligus akan membantu merancakkan semula pasaran buruh negara pasca pandemik Covid-19.

Program Perantisan PERKESO di bawah PenjanaKerjaya 2.0 merupakan suatu program penawaran pekerjaan oleh majikan bagi memberi pengalaman bekerja jangka pendek sepenuh masa kepada para belia selama sekurang-kurangnya 2 hingga 6 bulan. Belia yang mengikuti program ini akan dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerjaan mereka menerusi *on-the-job training* dengan majikan, sekaligus membantu meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Kementerian Sumber Manusia komited dengan pelaksanaan Program Perantisan ini di mana majikan boleh menerima insentif sehingga RM4,800 bagi setiap penggajian perantis. Dalam usaha meningkatkan kemahiran perantis, majikan juga digalakkan untuk memohon subsidi latihan di bawah PenjanaKerjaya yang berjumlah sehingga RM4,000. Selain itu, bantuan mobiliti turut disediakan dan dibayar kepada belia yang ditawarkan pekerjaan sebagai perantisan bermula dari RM500 hingga RM1,000 secara *one-off* melalui majikan masing-masing..

Seiring dengan insentif ini juga, KSM bersama KBS telah menganjurkan Mini Karnival PenjanaKerjaya Graduan & Perantisan pada 5 Mei 2021 secara dalam talian bermula jam 9 pagi sehingga 4 petang. Temu duga terbuka ini mengumpulkan 25 buah

majikan yang menyediakan lebih 500 peluang pekerjaan di bawah Program Perantisan PERKESO.

Kementerian Sumber Manusia akan terus bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan melalui pelbagai usaha dan inisiatif bagi membantu para belia yang menganggur mendapatkan pekerjaan. Sehingga 16 April 2021, MYFutureJobs telah berjaya membantu seramai **6,938** individu mendapatkan pekerjaan menerusi Program Perantisan ini. Justeru, KSM menyeru para belia untuk memohon jawatan Perantisan di Portal Pekerjaan Negara menerusi pautan [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my).

Kementerian turut menggalakkan majikan yang berminat untuk mengambil para perantis agar dapat mengiklankan kekosongan jawatan di organisasi mereka menerusi portal MYFutureJobs, manakala bagi golongan belia yang sedang mencari pekerjaan untuk berjumpa dengan Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan kami di semua 54 cawangan PERKESO di seluruh negara bagi mendapatkan bantuan mereka.

Untuk maklumat lanjut berhubung inisiatif di bawah PERKESO, sila layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi talian 1-300-22-8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Cawangan Komunikasi Strategik**

**Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**

**5 Mei 2021**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami;

1. En. Muhammad Amyzaddin Bin Raya – 012-6377890
2. En. Mohamad Shafiq Bin Adnan – 018-3246720